

Pindaan: Provokasi tidak akan dilayan

UM 7 JUL 2001

KOTA BHARU 6 Julai — Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat menegaskan, beliau tidak akan melayan sebarang provokasi yang sengaja ditimbulkan oleh pihak tertentu berhubung pindaan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri yang diluluskan Dewan Undangan Negeri, 25 Jun lalu.

Beliau berkata, segala persoalan mengapa pindaan itu dibuat hendaklah dirujuk kepada penjelasan yang telah dibuat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semasa membentangkan pindaan seperti itu di Parlimen pada 1994.

“Senang dan jelas. Tak usah banyak-banyak cakap,” katanya dalam surat terbuka bertarikh 5 Julai itu yang turut diedarkan di kalangan ahli Pas yang menghadiri ceramah minggunya di pejabat Pas negeri di sini hari ini.

Menurut Nik Aziz, persoalan tentang kesahihan pindaan perlembagaan itu telah mulai reda setelah pihak yang mempertikakannya sedar tentang kehadiran Penasihat Undang-Undang Negeri sendiri dalam sidang Dewan Undangan Negeri, 25 Jun lalu.

Surat akuan

Ini diikuti surat akuan bertulis daripada Pejabat Peguam Negara yang membenarkan kerajaan negeri bersidang, katanya.

Justeru, beliau menyifatkan peristiwa riu-rendah di Padang Garong di sini pada malam 2 Julai lalu bertujuan umpama mengeruhkan semula air yang sudah dijernihkan sejak bertahun-tahun lalu bagi memudahkan mereka menangguk semula di air keruh.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan orang ramai supaya mengelakkan diri daripada sebarang perhimpunan yang tidak menambah ilmu pengetahuan dan mengukuhkan talian silaturahim.

“Kewajipan kita sekarang adalah untuk meneruskan nikmat perpaduan ini. Jangan biarkan kita diperalatkan oleh pihak yang tidak senang hati dengan nikmat (perpaduan) yang begitu mahal,” katanya.

Sementara itu ketika ditemui pada majlis perasmian Sistem Gadaian Islam (Ar-Rahn) cawangan Kota Bharu 2 di sini, Nik Aziz sekali lagi menegaskan, beliau tidak akan melayan sebarang provokasi mengenai pindaan Undang-Undang Tubuh Negeri itu kerana ia bukan masalah politik tetapi pentadbiran.

Serupa

Malah katanya, tindakan kerajaan negeri itu (membuat pindaan ke atas Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kelantan) betul-betul serupa dengan apa yang dikehendaki (dibuat) oleh Kerajaan Pusat.

“Sebagai sebuah negeri demokrasi yang berdasarkan federalisme, maka di mana sahaja ada negeri maka dia mesti turut peraturan yang telah dibuat di peringkat Pusat. Perlembagaan negeri kita telah lebih kurang 40 kali membuat pindaan termasuk pindaan yang dibuat awal 90-an,” katanya.

Menurut Nik Aziz, kerajaan negeri pimpinan Pas terlewat untuk melakukan pindaan itu kerana pada tahun 1993, Kelantan ketika itu di bawah pemerintahan Pas dan Semangat 46 di mana kedua-dua pihak tidak sepakat mengenai perkara itu.

“Kita buat senyap dulu. Alhamdulillah selepas pilihan raya 1999, dia (Semangat 46) tidak ada dengan kita, dia sendiri lari, dia sendiri musnahkan parti dia, maka kita mempunyai lebih dua pertiga.

“Maka, mahu tak mahu kita terpaksa disesuaikan dan masyarakat Kelantan sendiri melalui parti, membuat usul dalam mukhtar agung Pas di Terengganu tahun lepas, sekarang barulah seminggu baru ini kita kemukakan (pindaan),” jelasnya.

Sehubungan itu, tegas Nik Aziz, beliau tidak mahu mengheret dirinya untuk menjawab soalan-soalan berbentuk politik dalam masalah ini kerana beranggapan orang yang mempertikaikan pindaan itu tidak akan berhenti bercakap sehingga hari kiamat.

Ditanya tentang tindakan susulan kerajaan negeri selepas ini, Nik Aziz berkata: “Itu masalah kedua.”